



**TEKS UCAPAN
DATO' DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**



PROGRAM CSR COOPCARE ANGKASA PRIHATIN PASCA BANJIR KEPADA WARGA UITM SHAH ALAM

7 JANUARI 2022 (JUMAAT)

3:00 PETANG

**ARAS 7, BANGUNAN CANSELARI
UITM, SHAH ALAM, SELANGOR**



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
TaalaWabarakatuh

**(Protokol Sapaan disediakan semasa
majlis)**



ALUAN

YBhg. Prof, Dato'-Dato' dan Tuan- Puan Yang Dihormati

1. Terlebih dahulu marilah bersama – sama kita panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul



dalam majlis pada petang ini bagi menyantuni dan menghulurkan sumbangan kepada warga kerja Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang terkesan dengan musibah banjir baru – baru ini.



2. Setinggi – tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) terutamanya kepada Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor kerana sudi menerima kehadiran ANGKASA . Syabas saya ucapkan kepada pihak pengurusan UiTM



yang cakna dengan kebajikan warganya.

3. Melangkah ke bangunan Canseleri UiTM ini merupakan satu penghormatan kepada saya sebagai Presiden ANGKASA,



kerana koperasi juga merupakan institusi yang mementingkan pendidikan anggota bagi mewujudkan lebih ramai golongan profesional bagi mentadbir dan memperkukuh institusi ini sebagai platform kesejahteraan rakyat.



4. Gerakan koperasi Malaysia dipandang tinggi dan menjadi rujukan gerakan koperasi global kerana melahirkan para pelapis pemimpin koperasi bermula di bangku sekolah menerusi koperasi sekolah, seterusnya koperasi siswa menerusi koperasi institusi



pengajian tinggi (IPT) dan apabila melangkah ke alam pekerjaan, koperasi dewasa pula menjadi pilihan. Golongan belia amat digalakkan menubuhkan koperasi dan memulakan perniagaan. Ekonomi koperasi adalah ekonomi rakyat... ekonomi kita. Pilihan di tangan kita untuk menyahut



cabaran dan menggerakkan ekonomi ini menerusi pemerksaan koperasi.

5. Sepertimana yang saya maklumkan sebelum ini, gerakan koperasi negara yang mendapat pengiktirafan dunia dalam bidang



pendidikan terserlah apabila Anggota Lembaga ANGGKASA iaitu Dr. Haji Mohd Azlan Yahya dilantik sebagai Pengerusi International Co-operative Alliance Asia Pacific (ICA-AP) Committee on Co-operative in Education Institution. Pelantikan ini merupakan satu penghormatan kepada ANGGKASA



di peringkat antarabangsa dalam mengiktiraf peranan koperasi universiti dan institusi pendidikan nasional di peringkat global.

YBhg. Prof, Dato'-Dato' dan Tuan- Puan Yang Dihormati



6. ANGKASA ditubuhkan semenjak 50 tahun yang lepas merupakan badan Apeks gerakan koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan untuk mewakili gerakan koperasi di negara ini di peringkat nasional dan antarabangsa. Dengan keahlian koperasi mencatatkan sejumlah **14,657 buah koperasi**



yang dianggotai oleh 7.04 juta orang anggota. ANGGKASA komited membangun dan memajukan gerakan koperasi negara dengan penuh berintegriti untuk kekal relevan dan kompetitif bagi membantu meningkatkan sosioekonomi rakyat di negara ini.



7. Sehingga Desember 2020, aset milik gerakan koperasi melebihi RM150 billion dan perolehan yang dicapai sehingga adalah sebanyak RM41.5 Billion. Statistik dan angka pencapaian gerakan koperasi ini membuktikan bahawa, koperasi adalah salah satu wadah yang berkesan dalam melahirkan



usahawan yang merupakan penyumbang ketiga kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

8. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya



Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2020, terdapat **208 buah koperasi siswa** dengan keanggotaan seramai **161,662 orang**; modal syer/ yuran melebihi **RM170.3 juta**; aset melebihi **RM579.4 juta** dan menyumbang perolehan melebihi **RM192.1 juta**.



9. Daripada statistik tersebut, terdapat sebanyak **73 buah koperasi universiti awam** di negara ini. Keanggotaan koperasi universiti awam adalah seramai 47,934 individu dan memiliki aset sebanyak RM520 juta dan



perolehan koperasi sebanyak RM171.33 juta.

10. Ini menunjukkan masih banyak IPTA, IPTS dan kolej yang ada di negara ini yang masih belum menubuhkan koperasi. Justeru, usaha bersama Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya



Koperasi Malaysia (SKM) dan ANKASA perlu dimantapkan bagi memastikan perancangan untuk melahirkan lebih ramai usahawan belia akan tercapai.

11. Data pencapaian koperasi universiti awam ini menunjukkan



bahawa koperasi universiti mampu menjana pendapatan yang lebih mampan melalui kepelbagaian aktiviti. Malah koperasi juga merupakan wadah terbaik dalam melatih mahasiswa dalam bidang keusahawanan sosial.



12. Koperasi sebagai salah satu peneraju ekonomi sosial dan solidariti (*Social and solidarity economy*) melalui perniagaan yang diusahakan secara bersama. Penglibatan koperasi siswa dalam keusahawanan koperasi selaras dengan aspirasi Dasar



Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang berhasrat untuk membudayakan keusahawanan dan melahirkan lebih ramai belia bekerja sendiri berbanding makan gaji.



13. Saya amat menyarankan, koperasi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merebut peluang untuk menjana ekonomi dengan mengadaptasi digitalisasi serta norma baharu dalam operasi perniagaan. ANGKASA sedia membimbing koperasi siswa



menceburi bidang keusahawanan dan memulakan perniagaan baru mula (*startup*) menerusi koperasi.

14. Saya juga menyeru kepada pihak koperasi agar dapat berperanan lebih aktif dalam



sektor ekonomi yang tumbuh
bagai cendawan pada waktu
pandemik ini. Ekonomi gig
misalannya amat rancak berjalan
dan kebanyakannya dipelopori
oleh golongan muda.



15. Saya sarankan supaya koperasi juga dapat mengambil langkah serupa, dan jika boleh menjadi *pioneer* kepada industri yang wujud ketika ini. Cungkil bakat dan tenaga generasi muda supaya koperasi tuan – tuan dan puan-puan lebih berdaya inovatif dalam aktiviti perniagaan yang mana



manfaatnya dapat disumbangkan semula kepada koperasi, institusi dan juga para pelajar yang memerlukan.

YBhg. Prof, Dato'-Dato' dan Tuan- Puan Yang Dihormati



16. ANKASA semenjak ditubuhkan 50 tahun yang lalu sentiasa mengambil berat akan kebajikan koperasi dan anggota koperasi selaras dengan prinsip dan falsafah koperasi. Kebajikan golongan Ibu tunggal, anak yatim, golongan OKU, petugas barisan



hadapan negara dan semua golongan terjejas sentiasa diberikan perhatian oleh ANGKASA.

17. Bagi merealisasikan perjuangan gerakan koperasi dalam memperkasakan Tanggungjawab



Sosial Koperasi (CSR), ANKASA memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi melaksanakan program kemasyarakatan di bawah payung COOPCARE.

18. Pada hari ini, ANKASA menyalurkan **83 pek** sumbangan barangan asas melalui Projek



Barang Asas 100 (BA100) kepada golongan yang terkesan dengan bencana banjir ditambah pula dengan krisis pandemik COVID-19 yang masih belum berkesudahan.

19. Semoga dengan sumbangan yang diberikan pada hari ini dapat



memberikan sedikit kelegaan kepada penerima dan membantu meringankan beban mereka yang kita semua tahu menghadapi kekangan dari pelbagai sudut akibat kerosakan harta benda.

20. Insyah'ALLAH, program berbentuk CSR ini akan diteruskan oleh



ANGKASA. Semenjak bermulanya program COOPCARE ini pada Mac 2020, ANKASA telah melaksanakan **lebih 100 buah program CSR yang** memberi manfaat kepada lebih **70,000 penerima.**



21. Cabaran kos sara hidup merupakan isu nasional dan adalah menjadi tanggungjawab koperasi itu sendiri untuk Berprihatin Terhadap Masyarakat bagi melengkapi keperluan mereka lebih – lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini.



YBhg. Prof, Dato'-Dato' dan Tuan- Puan Yang Dihormati

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada



Jawatankuasa Perhubungan
ANGKASA Selangor terutama
kepada **Pengerusi, Dato' Haji
Mohd Alias Hamzah** yang
mengambil inisiatif untuk terus
memberikan khidmat dalam apa
juga cara dalam memastikan tidak
ada golongan yang tidak dibantu
apabila berlakunya musibah



khususnya di negeri Selangor ini .

23. Tahniah juga kepada Bahagian Komunikasi Korporat yang tidak jemu-jemu menguruskan program CSR COOPCARE ANGKASA dengan baik. Semoga apa yang dikongsikan hari ini



menyemarakkan semangat
bekerjasama dan kebersamaan
kita sebagai 'Keluarga Koperasi
dan Keluarga Malaysia' serta
memberi manfaat berpanjangan
kepada semua yang hadir,
InsyaAllah.

Wabillahi Taufiq Walhidayah



Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.